

19/09/2003

Kabinet lulus pakaian seragam, logo PKN

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Kabinet telah meluluskan reka bentuk pakaian seragam, lagu dan logo Program Khidmat Negara (PKN) yang akan memulakan pengambilannya awal tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara, Datuk Seri Najib Razak, berkata Kabinet memberi kelulusan itu dalam mesyuaratnya kelmarin sebagai persediaan untuk memulakan program berkenaan mulai Februari tahun depan.

"Saya akan memperkenalkan pakaian seragam itu kepada orang ramai dalam sedikit masa lagi," katanya pada sidang media selepas mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucap tama pada Sidang Kemuncak Kerjasama Malaysia-China 2003 di sini, semalam.

Apa yang pasti, kata Najib, penampilan pakaian seragam itu memang menarik.

Katanya, pemilihan peserta program itu akan dibuat seawal-awalnya penghujung tahun ini atau selewat-lewatnya Januari depan supaya ia dapat dimulakan mengikut jadual.

"Untuk tahun depan saja, kita bercadang mengambil 100,000 peserta untuk program ini terdiri daripada remaja lelaki dan perempuan berusia 18 tahun.

"Pengambilan akan dilaksanakan secara berperingkat iaitu antara 15,000 ke 20,000 bagi setiap pengambilan," katanya.

Beliau berkata, pemilihan peserta akan dilakukan secara rambang melalui komputer.

Hanya remaja yang masalah kesihatannya disahkan oleh panel perubatan yang diiktiraf kerajaan dikecualikan. Sekitar 30 peratus daripada program itu menjurus kepada aspek ketenteraan.

Mereka yang terpilih akan mengikuti latihan selama enam bulan di 54 pusat khidmat negara yang terdiri daripada 11 institusi pengajian tinggi awam (IPTA), 13 cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM), 27 maktab perguruan serta tiga institusi pengajian tinggi swasta. Beberapa sekolah berasrama penuh juga akan digunakan untuk tujuan itu.

Sebanyak RM300 juta diperuntukkan dalam Bajet 2004 bagi melaksanakan program berkenaan.